

NO SOALAN : 256

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

RUJUKAN : 10414

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah juvenil atau pesalah-pesalah di bawah umur 21 tahun dalam reman atau yang menjalani hukuman penjara mengikut kaum dan jantina.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia pada 13 November 2017, jumlah pesalah di bawah umur 21 tahun adalah seramai 2,636 orang terdiri daripada 2,390 orang lelaki dan 246 orang wanita. Daripada jumlah tersebut, 1,724 orang direman dan 912 orang telah disabitkan bersalah. Daripada jumlah tersebut seramai 1,624 orang dan 1,012 orang masing-masing merupakan warganegara Malaysia dan warganegara asing.